

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)

Hari/Tarikh: 17/5/2016

Muka surat: 6

Tajuk : UNIMAS anjur forum hindari rasuah

6

SELASA • 17 Mei 2016 • 10 Syaaban 1437H •

TEMPATAN

Utusan Sarawak

# UNIMAS anjur forum hindari rasuah

**KOTA SAMARAHAN:** Seramai 300 pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) tidak melepaskan peluang menghadiri Forum Generasi Masa Hadapan dan Majlis Perasmian Ulang Tahun Ke-9 Sekretariat Pencegahan Rasuah UNIMAS (SPR UNIMAS) di Panggung Gemilang, Kolej Cempaka universiti berkenaan.

Forum tersebut anjuran bersama SPR UNIMAS Sesi 2016/2017 dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Negeri Sarawak.

Panel forum adalah Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPR Malaysia Dato' Shamsun Baharin Mohd Jamil, Timbalan Pengarah SPRM Sarawak, Tuan Rosli Mohd Satar dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNIMAS, Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman.

Manakala moderator bagi forum ialah Dr. Arnold Puyok daripada Jabatan Politik dan Hubungan Antarabangsa Fakulti Sains Sosial UNIMAS.

Antara objektif forum ini ada-

lah untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa mengenai bahaya dan kesan gejala rasuah dalam kehidupan selain memupuk nilai-nilai berintegriti tinggi, amanah, bertanggungjawab serta berketerampilan tinggi dalam kalangan mahasiswa dalam usaha mendukung aspirasi negara.

Bersempena dengan ulang tahun ke-9, SPR UNIMAS turut melancarkan lagu rasmi, logo dan moto SPR UNIMAS iaitu 'Mahasiswa Berintegriti Rasuah Dihindari'.



**HINDARI RASUAH...** Dato' Shamsun Baharin Mohd Jamil, Rosli Mohd Satar, Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman dan Dr. Arnold Puyok dalam Forum Generasi Masa Hadapan di Universiti Malaysia Sarawak.